

03 DEC 1998

LEAD Mahkamah-Anwar

PERBUATAN LIWAT DIDEHAH SELEPAS ANWAR JALIN HUBUNGAN SULIT DENGAN ISTERI ORANG

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar, yang membuat pengakuan bersumpah beliau diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau mendedahkan perbuatan itu lima tahun kemudian setelah Anwar dikatakan mempunyai hubungan sulit dengan isteri orang.

Azizan, bekas pemandu isteri Anwar Datin Seri Wan Azizah Ismail, berkata kesedaran itu timbul setelah Ummi Hafilda Ali, adik ipar bekas majikannya, Shamsidar Taharin, memberitahunya bahawa Shamsidar mungkin mempunyai hubungan sulit dengan Anwar.

"Saya mengambil keputusan untuk menimbulkan dakwaan-dakwaan ini (yang beliau diliwat) selepas lima tahun kerana ia (hubungan sulit Shamsidar dengan Anwar) memberi kesedaran kepada saya mengenai perbuatan terkutuk yang dilakukannya terhadap saya," katanya.

Azizan, eksekutif pentadbiran dan pemasaran sebuah syarikat di Alor Gajah, Melaka, berkata demikian pada perbincangan Anwar, 51, yang menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan itu didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbincangan didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Azizan, saksi ke-12 pendakwaan, berkata demikian semasa disoal dalam pemeriksaan balas oleh peguam Anwar, Christopher Fernando.

Ummi Hafilda ialah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau merupakan adik Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha peribadi Anwar manakala Shamsidar ialah isteri Mohd Azmin.

Azizan berkata beliau memberitahu Ummi Hafilda bahawa beliau diliwat Anwar, tanpa menyatakan masa dan tarikh tetapi hanya menerangkan tempat perbuatan itu dilakukan, sebelum Ummi Hafilda membuat surat pengakuan bersumpahnya (Azizan).

Azizan berkata Ummi Hafilda memberitahunya bahawa beliau (Ummi Hafilda) ingin mengetahui mengenai Shamsidar setelah berasa kasihan terhadap abangnya jika perbuatan kakak iparnya itu melampaui batas.

Menurutnya Ummi Hafilda ada memberitahunya bahawa beliau akan memberitahu abang dan keluarganya jika perbuatan kakak iparnya itu benar-benar berlaku.

Azizan berkata beliau berasa amat malu untuk memberitahu semua orang mengenai perbuatan itu tetapi perasaan itu hilang demi maruah diri dan agama, menyebabkan beliau membuat pengakuan bersumpah untuk memberitahu perbuatan terkutuk Anwar terhadapnya dan juga mangsa-mangsa yang lain, tanpa sebarang motif lain.

Semasa ditanya sama ada beliau tidak merasa malu untuk memberitahu seluruh negara yang beliau diliwat jika tiada motif lain, Azizan berkata: "Ya, saya berasa amat malu untuk memberitahu semua orang akan perbuatan ini tetapi demi maruah diri dan agama, saya tidak rasa malu untuk memberitahu semua orang tentang perbuatan terkutuk itu."

Sebelum itu, Azizan berkata bahawa tiada sesiapa yang menyuruh beliau membuat surat pengakuan bersumpah berhubung perbuatan Anwar yang didakwa meliwatnya.

Beliau berkata surat pengakuan itu dibuat atas kerelaannya sendiri setelah membincangkan perkara itu dengan Ummi Hafilda Ali.

Azizan berkata beliau menemui Ummi Hafilda di pejabatnya dalam bulan Julai 1997 dan wanita itu mahu mengetahui sama ada kakak iparnya mempunyai hubungan sulit dengan Anwar.

Fernando: Mengenai pengakuan bersumpah itu, bagaimana kamu menimbulkan perkara itu atau bagaimana dia berbuat demikian?

Azizan: Saya yang menceritakan kejadian yang berlaku ke atas diri saya kepada Ummi. Saya yang menyuruh dia membuat pengakuan bersumpah ini kerana Ummi mahir dalam penggunaan bahasa.

Fernando: Berapa banyak perjumpaan yang kamu adakah dengan Ummi sebelum pengakuan bersumpah itu dibuat?

Azizan: Seingat saya, dua atau tiga kali.

Azizan juga berkata beliau ada berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan Anwar pada 24 Ogos lepas dan pertemuan dengan Perdana Menteri hanya berlangsung sekali sahaja.

Bagaimanapun Fernando tidak menyoal lanjut berkaitan pertemuan Azizan dengan Perdana Menteri.

Sebelum itu semasa ditanya sama ada beliau berjumpa dengan Datuk Aziz Shamsuddin (setiausaha politik PM) dan Tun Daim Zainuddin (penasihat ekonomi kerajaan), beliau berkata: " Saya tidak pernah jumpa dengan mereka."

Beliau berkata walaupun pada mulanya Ummi Hafilda tidak memberitahunya bahawa dia akan menghantar maklumat yang diberikan itu kepada Perdana Menteri, bagaimanapun kemudiannya memberitahu bahawa surat pengakuan bersumpah mengenai perbuatan terkutuk itu akan dimajukan kepada Perdana Menteri.

Semasa ditanya Fernando, Azizan berkata walaupun beliau tidak berada bersama Ummi Hafilda semasa menyiapkan surat pengakuan bersumpah itu, surat itu disediakan dengan persetujuan beliau.

Ketika ditanya mengenai pengakuan bersumpahnya yang tidak dibuat di hadapan majistret atau pesuruhjaya sumpah, Azizan berkata beliau tidak berbuat demikian kerana: " Saya tidak faham sama ada ianya sah atau tidak di sisi undang-undang tetapi saya bersumpah dengan nama Allah yang Maha Esa".

Azizan juga memberitahu mahkamah beliau dilantik menjadi pengarah sebuah syarikat bagi membantu rakan karibnya kerana pada ketika itu syarikat berkenaan mengalami masalah kewangan.

Menurutnya Omar Veran Kutty melantiknya sebagai pengarah syarikat Azariq Sdn Bhd kerana beliau berminat dalam bidang perniagaan.

"Semasa saya dilantik, saya tidak menerima apa-apa elaun pun dan saya juga tidak melakukan tugas-tugas sebagai seorang pengarah atau diberi kemudahan lain," katanya.

Azizan berkata syarikat itu menawarkan perkhidmatan pemasangan dan pemuliharaan produk radio dan telekomunikasi, jentera berat untuk kilang dan pameran, perkhidmatan perdagangan dan syarikat itu dan merupakan sebuah syarikat pakar dalam bidang pembekalan tenaga kerja.

Fernando: Jelaskan kepada mahkamah mengapa anda dilantik sebagai pengarah jika mereka tidak membayar elaun atau bayaran dan anda tidak melakukan tugas-tugas pengarah.

Azizan: Kerana saya tahu syarikat itu mengalami masalah kewangan dan pada masa itu, saya masih bekerja sebagai pemandu dan rakan yang melantik saya adalah kawan karib dan saya tidak sampai hati untuk meminta apa-apa bayaran daripadanya.

Azizan juga berkata sebagai seorang daripada empat pengarah syarikat itu, beliau bertanggungjawab membantu memulihkan keadaan syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

Fernando: Adakah anda diminta menyediakan kemudahan kewangan?

Azizan: Tidak, saya tidak sepatutnya menyediakan kemudahan kewangan

kepada syarikat.

Menurut Azizan semasa dilantik sebagai pengarah, syarikat itu telah lama ditubuhkan dan beliau merasakan segala sumber kewangan datanginya daripada ketiga-tiga pengarah yang lain.

Kepada soalan lain, Azizan berkata beliau tidak pernah membaca buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM". Beliau juga tidak mengenali Khalid Jafri, penulis buku itu.

"Saya memberitahu kepadanya (Anwar) yang saya tidak mengenali penulis buku itu dan saya tidak membaca buku tersebut," katanya.

Beliau berkata Anwar telah memberitahunya bahawa siasatan akan dibuat ke atas buku itu dan mahu Azizan menafikan tentang apa yang berlaku semasa dipanggil memberi keterangan oleh polis.

Mengenai pertemuannya dengan peguam Karpal Singh, Azizan berkata beliau dan Ummi Hafilda diiringi oleh Dr Ristina Majid menemui peguam itu berhubung dakwaan mereka mengenai salah laku seks Anwar.

Azizan memberitahu Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail bahawa pertemuan itu diadakan di pejabat Karpal di Lorong Pudu beberapa hari sebelum beliau dan Ummi ditangkap di rumah Dr Ristina.

Menurutnya beliau dan Ummi Hafilda menemui Karpal Singh untuk mendapatkan pandangan dari sudut perundangan "kerana kami sentiasa diekori oleh orang-orang yang tidak kami kenali".

Karpal, katanya, melihat surat dan pengakuan bersumpah yang ditulis mereka dan kemudian berkata oleh kerana ia dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "biarlah PM yang menyelesaikan masalah ini kerana PM tahu cara untuk menyelesaikannya".

Abdul Gani: Sebab apa kamu berjumpa dengan peguam Karpal Singh?

Azizan: Seperti yang kita semua tahu, peguam Karpal Singh ialah peguam yang terbaik di bandaraya ini. Oleh sebab itu, kami pergi ke pejabatnya untuk mendapatkan pandangan dari sudut perundangan.

Jawapan Azizan itu telah disambut dengan senyuman dan ketawa oleh mereka yang berada dalam mahkamah termasuk Hakim Paul.

Perbincangan disambung 9.15 pagi esok.

-- BERNAMA

NHD SBB AHH NAK